

## **RELEVANKAH PERKAHWINAN KANAK-KANAK BAWAH UMUR**

Wan Haslinawati Wan Hassan  
wanhaslinawati@gmail.com

Mohd Isa Hamzah  
isa\_hamzah@ukm.edu.my

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Perkahwinan kanak-kanak dianggap sebagai masalah global yang merentasi negara, budaya, agama, dan etnik. Amalan ini berlaku secara meluas, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam bahkan juga melibatkan budaya silam masyarakat dunia yang lain. Amalan ini dilihat telah melanggar perjanjian hak asasi manusia antarabangsa sebagai amalan global yang menerapkan diskriminasi dan berbahaya bagi sesebuah negara. Pemahaman dalam mentafsir undang-undang bagi menangani isu-isu seperti ini dalam kalangan umat Islam akan menyebabkan konflik dalam masyarakat. Justeru perbincangan mengenai perkahwinan kanak-kanak amat penting untuk dibincangkan dari aspek masalah akil baligh menurut Islam, penetapan had umur minima, undang-undang serta pendekatan yang diambil oleh negara-negara Islam, termasuk Malaysia bagi mengatasi masalah tersebut. Artikel ini juga membincangkan situasi semasa amalan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak di negara ini dan negara lain serta perbandingan undang-undang Islam dan undang-undang di negara lain serta faktor-faktor perkahwinan bawah umur. Hasil penulisan ini mendapati seseorang yang berkahwin diusia muda memerlukan pertolongan dari pelbagai pihak, terutamanya ibu bapa, rakan-rakan dan masyarakat agar tidak menjadi stigma akibat berkahwin diusia yang muda.

*Kata kunci:Perkahwinan kanak-kanak, Had umur minimum, Undang-undang Keluarga Islam.*

### **Pengenalan**

Perkahwinan kanak-kanak bukan lagi merupakan satu isu baru dalam kalangan masyarakat global. Amalan ini berlaku secara meluas, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam bahkan juga melibatkan budaya silam masyarakat dunia yang lain seperti di China, Jepun, India, Babylon, Rom, Athens, Yahudi dan Kristian di Eropah (Noor 2013). Amalan ini dilihat telah melanggar perjanjian hak asasi manusia antarabangsa sebagai amalan global yang menerapkan diskriminasi dan berbahaya bagi sesebuah negara. Pemikiran dan budaya masyarakat sesebuah negara akan mempengaruhi persepsi mereka terhadap keputusan yang wajar diambil berdasarkan situasi

semasa tertakluk kepada bentuk perundangan yang menjadi norma serta peraturan masyarakat setempat (Arthur et al. 2018).

Menurut Hasnizam Hashim et al. (2019), sesebuah negara perlu menentukan garis panduan tertentu serta peraturan dalam bentuk perundangan mahupun adat bagi melindungi kaum wanita termasuk kanak-kanak perempuan agar dapat memelihara hak dan menghindari penganiayaan terhadap mereka. Sehingga kini isu berkaitan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak seringkali menjadi tumpuan dan perdebatan dalam masyarakat. Secara global, United Nations Population Fund (UNFPA) mendapati seorang daripada setiap lima orang kanak-kanak perempuan telah berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun.(Rosalinda 2018).

Unicef (2014) telah menganggarkan bahawa 720 juta wanita telah berkahwin sebelum berusia 18 tahun. Dapatan kajian ini menganggarkan kanak-kanak perempuan berkahwin sebelum berumur 18 tahun hampir lima kali ganda lebih banyak daripada lelaki. Ini menunjukkan bahawa kadar perkahwinan kanak-kanak yang tidak seimbang dalam kalangan kanak-kanak perempuan berlaku hanya di negara-negara di mana kadar kemiskinan yang tinggi. Contohnya di Nigeria, 77 peratus wanita berusia 20-49 tahun telah berkahwin sebelum berusia 18 tahun manakala hanya 5 peratus lelaki yang berkahwin dalam kumpulan usia yang sama (Arthur et al. 2018). Oleh itu, lebih daripada satu pertiga daripada wanita tersebut, 250 juta telah berkahwin sebelum usia 15 tahun (UNICEF 2014). Anggaran global menunjukkan bahawa hampir lima juta kanak-kanak perempuan telah berkahwin di bawah umur 15 tahun pada setiap tahun (Vogelstein 2013).

Di Malaysia, perkahwinan sebegini terus mengundang kontroversi serta mencetuskan perdebatan pelbagai pihak akibat daripada kes-kes yang saban tahun semakin meningkat. Isu perkahwinan kanak-kanak di bawah umur ini terus menjadi perbincangan hangat dalam kalangan masyarakat. Antara isu perkahwinan yang berlaku sebelum ini telah mendapat liputan hangat di media massa dan perhatian masyarakat serta mengundang pelbagai spekulasi dan reaksi pelbagai pihak ialah perkahwinan seorang kanak-kanak perempuan yang berusia 11 tahun dengan seorang lelaki yang berusia 41 tahun. Kanak-kanak terbabit merupakan warganegara Thailand dan lelaki tersebut merupakan seorang peraih getah warga tempatan. Siasatan awal Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan mendapati perkahwinan itu telah dijalankan di Golok, Thailand. Mahkamah Rendah Syariah Gua Musang telah menjatuhkan dua pertuduhan iaitu berkahwin dan berpoligami tanpa kebenaran yang menyebabkan peraih getah itu telah dikenakan hukuman denda berjumlah RM1,800.

Menurut data yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2016, sebanyak 6286 permohonan perkahwinan bawah umur yang telah diluluskan. Situasi ini telah memberi gambaran bahawa masih ramai dalam kalangan masyarakat yang tidak mengambil berat terhadap perkahwinan kanak-kanak di bawah umur. Pelbagai reaksi yang diperolehi dari semua pihak termasuklah tokoh politik utama negara, golongan agamawan, cendekiawan, tokoh undang-undang dan masyarakat bagi menyuarakan pelbagai pendapat dan hujah sama ada boleh atau tidak dari segi pelaksanaan dan juga

kewajarannya. Hal ini menjadikan seolah-olah perbahasan ini tiada titik penghujungnya. Bagi pihak yang memberi sokongan, maka mereka mendatangkan pelbagai hujah untuk mengharuskan bahkan mewajarkannya. Begitulah sebaliknya, ramai juga yang menentang dengan hujah dan alasan masing-masing.

### **Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Perkahwinan Bawah Umur**

Secara umumnya, antara faktor yang menyebabkan kepada perkahwinan bawah umur adalah seperti masyarakat luar bandar dan tidak berpendidikan, tahap pendidikan yang rendah (Duran & Tepehan Eraslan 2019) punca pendapatan keluarga yang rendah dan kemiskinan (Bessa 2019; Klugman 2014; Parsons et al. 2015) dan keperluan untuk mengukuhkan ikatan sosial serta kepercayaan bahawa perkahwinan adalah suatu bentuk perlindungan (Hasnizam Hashim et al. 2019). Menurut Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur iaitu pelan strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2019), antara faktor yang telah dikenalpasti selain daripada kemiskinan adalah :

1. Kekurangan atau ketiadaan akses kepada pendidikan kesihatan seksual reproduktif (SRH) dan kemahiran keibubapaan.
2. Kekurangan akses kepada pendidikan dan kehadiran ke sekolah yang rendah.
3. Stigma dan norma sosial terhadap perkahwinan bawah umur yang dijadikan sebagai pilihan terbaik dalam masyarakat untuk menyelesaikan masalah.
4. Undang-Undang longgar yang memperuntukkan permohonan berkahwin di bawah 18 tahun.
5. Penyelarasan data perkahwinan dan perceraian bawah umur.

Selain itu, terdapat juga kes perkahwinan bawah umur disebabkan oleh faktor-faktor seperti hamil luar nikah, terlanjur dan telah melahirkan anak (Rosalinda 2018). Perkahwinan bawah umur melibatkan hak asasi termasuk isu pelanggaran terhadap kanak-kanak untuk tahap pendidikan mereka dan zaman kanak-kanak yang tidak dapat dinikmati. Kanak-kanak akan mengalami masalah kesihatan yang pelbagai seperti depresi, jangkitan penyakit seksual dan kanser serviks, risiko mengandung di usia muda dan melahirkan anak serta risiko bayi yang akan dilahirkan.

### **Definisi Perkahwinan Kanak-Kanak**

Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu yang ke-44 telah menerima secara rasmi dan konsensus Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak pada 20 November 1989. Menurut Artikel (1) Konvensyen Hak Kanak-kanak UNICEF, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun seperti yang telah ditetapkan oleh 'The United Nations Children's Fund' (UNICEF). Malaysia telah menandatangani konvensyen tersebut pada 28 Disember 1994 dan mula diguna pakai pada 7 Februari 1995. Walau bagaimanapun, Malaysia telah

mempertikaikan beberapa perkara yang terdapat di dalam konvensyen tersebut. Secara umumnya, konvensyen ini mengkehendaki kerajaan bertegas dan mengambil berat terhadap kesejahteraan dan hak bagi kanak-kanak (Hasnizam Hashim et al. 2019).

Sesetengah pendapat lain seperti Patoari (2020) berpendapat perkahwinan kanak-kanak bermaksud perkahwinan pada usia remaja atau sebelum usia yang dibenarkan oleh undang-undang sesebuah negara. Apabila kedua-dua pihak atau salah satu pihak dalam perkahwinan tersebut adalah di bawah umur yang ditetapkan untuk berkahwin, perkahwinan itu disebut sebagai perkahwinan kanak-kanak. Amalan perkahwinan kanak-kanak juga didefinisikan sebagai perkahwinan di bawah usia 18 tahun dan memberi penekanan terhadap dominasi jantina (Arthur et al. 2018). Perkahwinan kanak-kanak didefinisikan sebagai perkahwinan yang dilakukan oleh seseorang individu sebelum mencapai usia 18 tahun (Erulkar 2013). Di seluruh dunia, terdapat lebih daripada 60 juta perkahwinan sebelum usia 18 tahun (Duran & Tepehan Eraslan 2019). Menurut UNICEF (2014) antara tahun 2011 dan 2020, 140 juta kanak-kanak perempuan di bawah umur (kira-kira 40,000 sehari) akan berkahwin pada usia kanak-kanak (Wodon 2015).

### **Definisi Kanak-Kanak Menurut Hukum Islam Dan Undang-Undang**

Wafa (2017) mengatakan bahawa kitab-kitab Fiqh klasik mendefinisikan perkahwinan kanak-kanak dibawah umur ini dengan istilah nikah *al-ṣaghir* atau *al-saghirah* dan kitab terbaru fiqh menyebutnya dengan istilah *al-zawaj al-mubakkir* (perkahwinan pada usia muda). Lelaki dan perempuan yang belum baligh secara umumnya disebut sebagai *saghir* atau *saghirah*. Oleh itu, perkahwinan kanak-kanak adalah perkawinan lelaki dan perempuan yang belum baligh. Maka, perkahwinan kanak-kanak atau perkawinan usia muda adalah perkawinan di bawah usia 15 tahun menurut pendapat para fuqaha' dan usia di bawah 17 atau 18 tahun menurut pendapat Abu Ḥanifah.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), “kanak-kanak” bermaksud budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya yang belum berumur lebih daripada tujuh atau lapan tahun. Dalam Kamus Bahasa Arab, kanak-kanak disebut sebagai الصغار (*al-Sighaar*). Ibnu Manzur (1990), menyebut dalam kitabnya *Lisaanul Arab*, definisi *al-Sighaar* dari sudut Bahasa sebagai ‘kurang saiznya atau kurang umurnya maka dia adalah *saghir* (kecil). *Saghir* berlawanan dengan perkataan *Kabir* iaitu besar. Selain itu, kamus *Oxford Dictionary of Law* menyatakan bahawa kanak-kanak adalah seseorang yang belum dewasa. Menurut kamus ini juga tiada definisi yang tepat dan khusus kerana definisi ini digunakan juga bagi seseorang yang berumur di bawah empat belas tahun, di bawah enam belas tahun dan kadangkala di bawah umur lapan belas tahun.

Pada tahun 1991, Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468) diperkenalkan bagi menggantikan Akta 232 yang mendefinisikan kanak-kanak sebagai mereka yang di bawah umur 18 tahun dan tiada pengasingan dibuat antara kanak-kanak dengan orang muda, tetapi berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) mendefinisikan kanak-kanak sebagai mereka yang berumur

bawah 18 tahun. Definisi kanak-kanak dalam seksyen 2 Akta 611 adalah selaras dengan Artikel 1 Konvensyen Hak Kanak-kanak 1991 membawa maksud yang sama (Zakaria 2015).

Manakala dari sudut istilah, ia membawa maksud suatu ciri yang dikaitkan dengan seseorang manusia semenjak kelahirannya sehinggalah dia bermimpi (baligh) Menurut Juhur fuqaha', jika tiada bermimpi, setelah berumur 15 tahun dianggap berusia baligh (Zaydan 1989). Berdasarkan definisi dan takrif yang telah disebutkan, terdapat perbezaan terhadap apa yang dimaksudkan dengan kanak-kanak. Umur di bawah tujuh atau lapan tahun difahami sebagai kanak-kanak begitu juga umur seseorang yang berusia di bawah 18 tahun. Menurut agama Islam, keadaan seorang kanak-kanak yang telah akil baligh juga perlu dikaitkan berdasarkan definisi yang diberi bagi mengelak isu salah faham terhadap batasan umur seseorang yang telah akil baligh dan sesuai untuk berkahwin.

Oleh itu dalam undang-undang Islam, istilah kanak-kanak digunakan merujuk kepada seseorang yang belum mencapai akil baligh (Hamzah 2018). Penentuan umur baligh seseorang boleh melalui dua cara iaitu baligh secara tabi'i dan baligh dengan umur. Penentuan baligh secara tabi'i bermaksud penentuan berdasarkan tanda-tanda fizikal. Bagi kanak-kanak perempuan yang telah didatangi haid mereka telah dianggap baligh. Manakala bagi kanak-kanak lelaki keluar air mani telah dianggap mencapai usia akil baligh.

Penentuan baligh secara umur pula ditentukan apabila tiada tanda-tanda fizikal yang berlaku pada tubuh badan kanak-kanak (Noor 2013). Melalui penentuan umur baligh, para fuqaha' telah meletakkan tahap umur tertentu. Mazhab Hanafi, Shafie dan Hanbali menetapkan seseorang kanak-kanak berusia 15 tahun telah dianggap baligh manakala Mazhab Maliki menghadkan umur tujuh belas tahun sebagai umur yang telah baligh (Al-Dusuqi t.t). Pendapat yang mengatakan lima belas tahun sebagai umur akil baligh adalah berdasarkan pendapat Abu Yusof dan Muhammad Abu Hanifah diriwayatkan meletakkan umur tujuh belas tahun bagi lelaki dan perempuan sebagai umur baligh. Dalam sesetengah riwayat yang lain pula dikatakan pada umur lapan belas tahun bagi lelaki dan tujuh belas tahun bagi perempuan (Noor 2013).

### **Hukum Perkahwinan Kanak-Kanak Menurut Pandangan Ulama**

Pelaksanaan sesebuah perkahwinan secara umumnya perlu berdasarkan kepada hukum Al-Quran dan Sunnah. Hukum dan syarat-syarat pelaksanaannya secara sistematik telah dibincangkan di dalam beberapa kitab Fiqh. Para fuqaha' mempunyai pendapat tersendiri dalam menafsirkan setiap hukum mengikut mazhab tertentu namun ulama' telah bersepakat menetapkan bahawa tujuan sesebuah perkahwinan adalah untuk membentuk sebuah keluarga yang sakinah mawaddah wa rahmah. Walau bagaimanapun, dalam hukum Islam tidak disebut secara jelas tentang umur yang minima dan maksima untuk melangsungkan perkahwinan (Badrul Munir dan Tengku Ahmad Syafiq 2019). Di dalam al-Quran telah menyebut bahawa bagi seseorang yang ingin berkahwin perlulah bersedia dan mampu sepertimana firman Allah SWT:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنَّ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُعْزِلُهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ  
عَلِيمٌ

*Maksudnya: “Dan kawinkanlah orang-orang yang sendirian diantara kamu, dan orang-orang yang layak (berkahwin) dari hamba-hamba sahayamu yang lelaki dan hamba-hamba sahayamu yang perempuan. Jika mereka miskin Allah akan memampukan mereka dengan kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas (pemberian-Nya) lagi Maha Mengetahui.”*

*(Surah An-Nur 24:32)*

Melalui pemahaman kalimah As-Solihin (الصالحين) dalam ayat di atas, ulama’ telah mentafsirkan ianya bermaksud “yang layak kahwin” iaitu yang mampu secara mental dan spiritual untuk mendirikan rumahtangga (Syihab 2005). Secara tidak langsung, al-Quran menyatakan bahawa, kematangan dan kedewasaan seseorang sangat penting dalam perkahwinan. Setiap pasangan yang telah berkahwin mempunyai tanggungjawab terhadap ikatan yang terbina dan kedua-duanya mempunyai hak ke atas perkahwinan tersebut termasuklah zuriat yang akan lahir dari perkahwinan tersebut. Usia kedewasaan dalam istilah fiqh boleh ditentukan melalui tanda-tanda yang bersifat jasmani iaitu tanda-tanda baligh secara umum seperti umur telah mencapai usia 15 tahun bagi lelaki, ihtilam dan haid pada perempuan yang secara minimanya berlaku pada usia sembilan tahun (Akhir 2018).

Secara biologinya apabila seseorang lelaki atau perempuan telah memenuhi kriteria baligh maka syarat itu telah memungkinkan untuk mereka melangsungkan perkahwinan. Dalam sesebuah perkahwinan, seseorang yang ingin berkahwin haruslah mukallaf iaitu berakal, (aqil,mumayyiz), baligh (cukup umur) dan faham erti tanggungjawab. Maksudnya apabila seseorang itu berakal maka secara tidak langsung dia akan memahami taklif yang wajib ada pada dirinya.

Persepsi awal melihat bahawa, walaupun seorang kanak-kanak itu telah akil baligh dan memenuhi kriteria yang telah disebutkan di atas, perkahwinan pada peringkat usia kanak-kanak di anggap tidak sesuai. Perkara ini boleh mendatangkan mudarat kepada diri kanak-kanak itu sendiri, bahkan juga kepada institusi kekeluargaan dan pembangunan sesebuah negara. Kanak-kanak berhak untuk menentukan kehidupan mereka sendiri apabila dewasa kelak di samping mereka merupakan aset bagi sesebuah negara yang perlu diberi perhatian melalui pendidikan untuk mengembangkan potensi mereka dalam arus pembangunan yang semakin maju. Kanak-kanak yang dipaksa untuk berkahwin akan memberi kesan terhadap fizikal dan mental mereka apabila terpaksa berserah kepada situasi yang tidak mereka inginkan seterusnya tiada keupayaan dari segi intelek bagi membuat perubahan terhadap pilihan kehidupan mereka.

### **Pandangan Ulama yang Tidak Membenarkan Perkahwinan Kanak-Kanak**

Dalam kalangan ulama mazhab fiqh, terdapat perbezaan pandangan terhadap hukum perkahwinan kanak-kanak. Sebahagian Ulama berpendapat pernikahan kanak-kanak adalah tidak dibenarkan sama sekali berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa':

وَابْتَلُوا الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ آنَسْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوا إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ ۖ

*Maksudnya: Dan ujilah anak yatim itu sampai mereka cukup umur untuk berkahwin. Kemudian jika menurut pendapatmu mereka telah cerdas (pandai memelihara harta), maka serahkanlah kepada mereka harta-hartanya.*

*(Surah al-Nisa' 4:6)*

Pemahaman melalui ayat di atas, usia kanak-kanak berakhir apabila telah sampai umur yang membolehkan mereka berkahwin (baligh) dan sebaliknya. Para fuqaha berpendapat matlamat perkahwinan adalah untuk mu'asyarah (pergaulan), memperolehi keturunan yang baik serta dapat melahirkan ketenangan jiwa. Kesemua matlamat ini tidak akan diperolehi melalui perkahwinan dengan kanak-kanak (Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri 2018; Wafa 2017).

### **Pandangan Ulama yang Membenarkan Perkahwinan Kanak-Kanak**

Pendapat para ulama yang membenarkan perkahwinan dengan kanak-kanak terbahagi kepada dua (Hasnizam Hashim et al. 2019; Wafa 2017) iaitu:

1. Golongan pertama berpendapat bahawa hukum yang membenarkan situasi tersebut berkaitan dengan definisi kanak-kanak itu sendiri. Apabila seseorang kanak-kanak itu telah baligh, maka dia tidak lagi didefinisikan sebagai kanak-kanak walaupun baru berusia 9 tahun atau 10 tahun dan sebagainya.
2. Golongan kedua pula berpendapat mengahwini kanak-kanak yang masih belum baligh adalah dibolehkan. Walau bagaimanapun, keputusan untuk melaksanakan perkahwinan tersebut bukan diputuskan oleh kanak-kanak tersebut secara bersendirian, bahkan mestilah dilakukan oleh seseorang yang bertanggungjawab dalam hak jagaan kanak-kanak tersebut seperti walinya.

Firman Allah SWT :

وَاللَّائِي يَكْسَنَ مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ ارْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَاللَّائِي لَمْ يَحْضْنَ ۖ وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ  
أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ ۚ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا

*Maksudnya: Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh idah mereka) maka iddahnya ialah tiga bulan dan (demikian) juga iddah perempuan-perempuan yang tidak berhaid. Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya dan (ingatlah), sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya.*

*(Surah at-Talaq 65:4)*

Menurut *Tafsir Al-Jami'li Ahkam al-Quran*, Imam al-Qurtubi menafsirkan ayat ini dengan menjelaskan bahawa Abu Uthman bin Salim berkata; di dalam surah al-Baqarah telah disebutkan 'iddah bagi wanita yang diceraikan oleh suaminya dan wanita yang telah kematian suaminya; maka Ubai bin Kaab berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya masih ada kaum wanita yang tidak dinyatakan apapun berkaitan 'iddah mereka iaitu wanita yang sedang hamil dan wanita yang masih kecil. Maka diturunkan surah at-Talaq ayat 4 untuk menjawab persoalan tersebut (Al-Qurtubi 1996). Manakala Imam al-Syaukani dalam tafsir Fath al-Qadir mentafsirkan ayat 4 surah al-Talaq dengan menjelaskan bahawa "...perempuan-perempuan yang tidak berhaid...adalah mereka yang masih kecil dan belum sampai usia haid" (Al-Syaukani 2000).

Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim tentang perkahwinan Rasulullah SAW dengan dengan Aisyah RA:

“Daripada Aisyah RA bahawa Nabi SAW mengahwininya sedangkan beliau berusia enam tahun dan bersama dengannya ketika berusia sembilan tahun. Kemudian hidup bersama Rasulullah SAW selama Sembilan tahun.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

### **Penetapan Had Umur Minima Perkahwinan Masyarakat Islam Di Beberapa Buah Negara**

Hukum Islam tidak menetapkan secara terperinci had umur minima atau batasan umur yang dibenarkan untuk berkahwin. Sebagaimana gambaran umum yang terdapat di dalam Al-Quran dan Hadis, tiada had batasan atau kriteria tertentu yang dibincangkan tentang permasalahan ini. Namun



dalam Islam kanak-kanak adalah seseorang yang belum baligh dan hanya bertanggungjawab terhadap dirinya apabila dirinya telah mencapai usia dewasa dan baligh serta dianggap mukallaf.

Penetapan had umur minima perkahwinan membawa maksud suatu penetapan atau aturan yang ditetapkan dalam sebuah negeri atau negara bagi pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan dengan menetapkan batasan umur yang telah ditentukan. Sebagaimana aturan yang terdapat di Malaysia khususnya di setiap negeri telah ditetapkan had umur untuk berkahwin. Contohnya di negeri Selangor dalam Enakmen 2, Seksyen 8 Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor Tahun 2003 menetapkan batas umur perkawinan bagi lelaki 18 tahun dan 16 tahun bagi perempuan. Namun bagi pasangan yang ingin melangsungkan perkawinan tetapi umurnya berada di bawah batas umur yang ditetapkan, harus mendapat persetujuan dari pihak Mahkamah (Badrul Munir 2019).

Pada separuh abad kedua puluh, perkahwinan kanak-kanak telah ditangani di peringkat global secara serius melalui dokumen antarabangsa tertentu. Isu ini mendapat perhatian antarabangsa sejak tahun 2000 dan lebih jelas lagi setelah tahun 2010. Setiap pemerintah di seluruh dunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pertubuhan bukan kerajaan dan badan korporat mengambil intervensi yang berbeza bagi mengekang masalah tersebut dari terus berleluasa. Pelbagai program dan usaha dijalankan bagi mengekang dan membasmi masalah perkahwinan kanak-kanak di bawah umur ini seperti menjadi matlamat Pembangunan Millenium 2000 dan Pembangunan Berterusan 2015 (Bessa 2019).

Itali dan United Kingdom adalah beberapa buah negara Eropah yang mempunyai pendatang dari negara-negara lain yang mempunyai penduduk majoritinya ialah muslim *Muslim-Majority Countries* (MMCs). Sona (2020) berpendapat, dalam situasi pasca moden masa kini perkahwinan yang mematuhi Syariah Islam telah diterima oleh negara-negara Eropah. Walaupun Konvensyen Hak Kanak-Kanak telah menetapkan usia 18 tahun sebagai usia minimum untuk berkahwin, namun di Denmark, Jerman, Belanda, Sweden dan Poland melarang perkahwinan di bawah usia 18 tahun. Undang-undang ini juga telah ditetapkan oleh Badan Hak Asasi Kesatuan Eropah. Selain daripada negara tersebut, perkahwinan lebih awal telah dibenarkan mengikut beberapa sistem perundangan Eropah .

Itali dan United Kingdom merupakan negara yang berada dalam anggota Kawasan Ekonomi Eropah (EEA). Sistem perundangan di kedua-dua negara ini telah dibentuk oleh Civil dan prinsip Common Law. Di UK imigrasi masyarakat Muslim telah lama berakar umbi terutama berasal dari Afrika Selatan. Sementara itu di Itali, kebanyakan umat Islam bermigrasi adalah daripada Afrika Utara, Albania dan Bangladesh. Mereka perlu mengikut undang-undang perkahwinan kanak-kanak yang telah ditetapkan. Oleh itu, pasangan yang ingin berkahwin mestilah berumur sekurang-kurangnya lapan belas tahun. Begitu juga di UK, pasangan yang berkahwin di bawah umur enam belas tahun perkahwinan itu dikira tidak sah. Oleh itu pasangan yang sudah berkahwin dan ingin memasuki UK perlu berusia sekurang-kurangnya lapan belas tahun (Sona 2020).

Menurut seksyen 2 Akta Pengekangan Perkahwinan Anak, 2017 di Bangladesh usia sah perkahwinan untuk seorang gadis adalah 18 tahun dan bagi seorang lelaki adalah 21 tahun (Patoari 2020). Walau bagaimanapun masalah perkahwinan kanak-kanak di bawah umur masih tetap berlaku di Bangladesh disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor utama yang dihadapi oleh masyarakat Islam Bangladesh ialah tahap kemiskinan yang meruncing dalam ekonomi negara mereka .

### **Kesan Terhadap Perkahwinan Kanak-Kanak Bawah Umur**

Perkahwinan di bawah umur bagi kanak-kanak telah menghalang peluang untuk kanak-kanak perempuan bersekolah (Arthur et al. 2018), risiko kesihatan akibat dari hubungan seksual dan kehamilan di awal usia, penyakit kelamin serta kematian ibu (Hotchkiss et al. 2016; Butt dan Naveed 2015) semasa melahirkan anak. Kekurangan zat makanan juga memberi kesan kepada kematian kanak-kanak. Selain daripada kesan di atas, masalah psikologi, keganasan rumahtangga, kemurungan, bunuh diri (Arthur et al. 2018; Gage 2013, Wodon 2015; Anik dan Barlin 2017; Özcebe dan Biçer 2013; Hotchkiss et al. 2016), masalah sosial dan masalah kewangan (Udgiri 2017) juga adalah kesan yang amat membimbangkan dalam situasi yang dihadapi kini.

Menurut UNICEF (2014), terdapat ketidakseimbangan yang tinggi melibatkan perkahwinan kanak-kanak lelaki dan perempuan dari segi diskriminasi jantina yang telah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Di peringkat global, kanak-kanak perempuan sering berkahwin dengan lelaki yang jauh lebih tua daripada usia mereka. Sebagai contoh boleh dilihat, di Nigeria dan Mauritania lebih daripada sebahagian gadis didapati berkahwin pada usia 15-19 tahun dan lelaki yang dikahwini sekurang-kurangnya 10 tahun lebih tua daripada mereka (Arthur et al. 2018). Kesan yang diperolehi daripada perbezaan usia yang jauh lebih tua menyebabkan kanak-kanak perempuan tersebut merasa sukar untuk menyesuaikan diri dalam rumahtangga, merasa sukar untuk berunding dengan suami dan keluarga serta kurang autonomi dan kebebasan yang mungkin akan berterusan (Duran dan Tepehan Eraslan 2019).

Seterusnya, kanak-kanak akan mudah menghadapi kadar kekerasan fizikal, seksual, dan tekanan emosi yang lebih tinggi dalam perkahwinan berbanding wanita yang berkahwin sebagai orang dewasa (Arthur et al. 2018; Rahman et al.2014). Selain itu peningkatan risiko kematian bagi wanita yang berusia 15-19 tahun berbanding wanita yang berumur 20-24 tahun sekiranya berkahwin di usia muda dan kadar kematian meningkat bagi bayi yang dilahirkan oleh ibu muda (Udgiri 2017).

## **Kesimpulan**

Di Malaysia, jumlah perkahwinan bawah umur yang melibatkan kanak-kanak amat membimbangkan. Ramai pengkaji menganggap situasi ini amat membimbangkan kerana tiada garis panduan khusus bagi Hakim Syarie untuk mempertimbangkan; sama ada menolak atau meluluskan suatu permohonan perkahwinan bawah umur. Oleh yang demikian, undang-undang Jenayah Islam dan Undang-undang Sivil di Malaysia perlu diperhalusi lagi dalam bidang tersebut. Perbincangan harus menitikberatkan kedudukan umur minimum perkahwinan dalam perundangan di Malaysia daripada perspektif Syariah dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkaitan umur minimum perkahwinan di Malaysia (Hasnizam Hashim et. al, 2019).

Persepsi awal melihat bahawa, walaupun seorang kanak-kanak itu telah akil baligh dan memenuhi kriteria yang telah disebutkan di atas, perkahwinan pada peringkat usia kanak-kanak dianggap tidak sesuai. Perkara ini boleh mendatangkan mudarat kepada diri kanak-kanak itu sendiri, bahkan juga kepada institusi kekeluargaan dan pembangunan sesebuah negara. Kanak-kanak berhak untuk menentukan kehidupan mereka sendiri apabila dewasa kelak di samping mereka merupakan aset bagi sesebuah negara yang perlu diberi perhatian melalui pendidikan untuk mengembangkan potensi mereka dalam arus pembangunan yang semakin maju. Kanak-kanak yang dipaksa untuk berkahwin akan memberi kesan terhadap fizikal dan mental mereka apabila terpaksa berserah kepada situasi yang tidak mereka inginkan seterusnya tiada keupayaan dari segi intelek bagi membuat perubahan terhadap pilihan kehidupan mereka.

Pelbagai pihak perlu bekerjasama untuk membantu golongan kanak-kanak yang telah melalui situasi perkahwinan kanak-kanak bawah umur ini. Di samping itu, keluarga yang miskin harus diberi nasihat dan dorongan untuk mendidik anak-anak perempuan agar tidak berkahwin di usia kanak-kanak. Pendidikan bagi anak-anak perempuan perlu ditingkatkan sehingga ke sekolah menengah supaya masa depan mereka akan terjamin dan dapat membina ekonomi keluarga apabila berkahwin kelak.

## **Rujukan**

- Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. (1996). *Al-jami' li Ahkam al-Quran*. Juzuk 17. Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Akhir, M.H. bin M. (2018). *Implementasi Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang 2004 Mengenai Batas Umur Pernikahan*. Universitas Islam Negeri Ar-Raniry.
- Arthur, M., Earle, A., Raub, A., Vincent, I., Atabay, E., Latz, I., Kranz, G., Nandi, A. & Heymann, J. (2018). *Child Marriage Laws around the World: Minimum Marriage Age, Legal Exceptions, and Gender Disparities*. *Journal of Women, Politics and Policy* 39(1): 51–74. <https://doi.org/10.1080/1554477X.2017.1375786>.
- Badrul Munir, T.A.S. bin T.A. (2019). *Batas Usia Perkahwinan dalam Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor Tahun 2003: Analisis Perspektif Maqasid Al-Syari'ah*. *Hukum Keluarga dan Keluarga Islam* 3(2): 271–294.

- Bessa, T. 2019. Informed powerlessness: child marriage interventions and Third World girlhood discourses. *Third World Quarterly* 40(11): 1941–1956. <https://doi.org/10.1080/01436597.2019.1626229>.
- Child Marriage, United Nations Population Fund (UNFPA), <https://www.unfpa.org/childmarriage>
- Duran, S. & Tepehan Eraslan, S. (2019). Socio-demographic Correlates of Child Marriages: A Study from Turkey. *Community Mental Health Journal* 55(7): 1202–1209. <https://doi.org/10.1007/s10597-019-00433-5>.
- Erulkar, A. (2013). Adolescence lost: The realities of child marriage. *Journal of Adolescent Health*, 52(5), 513–514.
- Gage, Anastasia J. (2013). “Association of Child Marriage with Suicidal Thoughts and Attempts among Adolescent Girls in Ethiopia.” *Journal of Adolescent Health* 52:654–56.
- Hamzah, N. binti. (2018). Pelaksanaan Peruntukan Perlindungan Kebajikan Kanak-kanak Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Konvensyen Kanak-kanak 1989. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Harald Motzki, ‘Child Marriage in Seventeenth – Century Palestine,’ *Islamic Legal Interpretation: Muftis and Their Fatwas* (ed. Muhammad Khalid Masud, Brinkley Messick & David Powers; Cambridge: Harvard University Press, 1996), 129
- Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan, Haliza A. Shukor, N.Y. (2019). Perkahwinan Bawah Umur Menurut Perspektif Undang-undang Jenayah Islam dan undang-undang Jenayah Sivill di Malaysia. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019) hlm. 100–114. Selangor.
- Hotchkiss, D. R., Godha, D., Gage, A. J., & Cappa, C. (2016). Risk factors associated with the practice of child marriage among Roma girls in Serbia. *BMC International Health and Human Rights*, 16(6), 2–10. <https://doi.org/10.1186/s12914-016-0081-3>.
- Klugman, J., L. Hanmer, S. Twigg, T. Hasan, and J. McCleary-Sills. (2014). *Voice and Agency: Empowering Women and Girls for Shared Prosperity*. Washington, DC: The World Bank.
- M.Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah, Vol IX*, (Jakarta : Lentera Hati, 2005), hlm. 335.
- Martin, E. A. (1996). *Oxford Dictionary of Law*. Edisi Ke-3. New York: Oxford University Press.
- Muhammad Ali bin Muhammad al-Syaukani. (2000). *Fath al-Qadir: Al-Jami’ baina al-Fanniy al-Riwayah wa al-Dirayah min ‘ilm al-Tafsir*. Lubnan. Dar Ibnu Hazm.
- Noor, Z. (2013). Perkahwinan Kanak-kanak dan Tahap Minima Umur Perkahwinan dalam Undang-undang keluarga Islam. *Child Marriage And Minimum Age Of Marriage Under Islamic Family Law. Shariah Journal* 21(2): 165–190.
- Parsons, J., Edmeades, J., Kes, A., Petroni, S., Sexton, M. & Wodon, Q. (2015). Economic Impacts of Child Marriage: A Review of the Literature. *Review of Faith and International Affairs* 13(3): 12–22.
- Patoari, M.M.H. (2020). Causes and effects of child marriage in Bangladesh: A case study at halishahar, Chattogram, Bangladesh. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies* 9(2): 162–172.
- Rahman, Mosfequr Md., Aminul Hoque Md., Golam Mostofa, and Satoru Makinoda. (2014). Association between Adolescent Marriage and Intimate Partner Violence: A Study of Young Adult Women in Bangladesh. *Asia-Pacific Journal of Public Health* 26 (2):160–68.
- Rosalinda Md. Said. 21 Disember 2018. 397 Kes Kahwin Bawah Umur Dilulus. <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/397-kes-kahwin-bawah-umur-dilulus-1.808529>

- S.S. Dato' Seri Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri, *Perkahwinan Kanak-Kanak Menurut Perspektif Syariah*, <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2512-bayan-linnas-siri-ke141-perkahwinan-kanak-kanak-mengikut-perspektif-syariah> [akses pada 30 April 2020].
- Shams al-Din Muhammad al-Dusuqi, *Hashiyah al-Dusuqi 'ala al-Sharh al-Kabir*, (al-Qahirah: Maktabah Zahran, n.d.), iii. 293.
- Sona, F. (2020). Reformulating Transnational Muslim Families: The Case of Shari'ah-Compliant Child Marriages. *Journal of Muslim Minority Affairs* 40(1): 84–103. <https://doi.org/10.1080/13602004.2020.1744840>.
- Vogelstein, Rachel B. 2013. *Ending Child Marriage*. New York: Council on Foreign Relations. <http://www.cfr.org/children/ending-child-marriage/p30734> (10 April, 2020).
- Wafa, M.A. 2017. Telaah Kritis Terhadap Perkawinan Usia Muda Menurut Hukum Islam. *AHKAM : Jurnal Ilmu Syariah* 17(2)
- Wodon, Q. 2015. Child marriage, family law, and religion: an introduction to the fall 2015 issue. *The Review of Faith & International Affairs*, 13(3), 1–5.
- Zakaria, M.R. 2015. Kecuaian dan Pengabaian Kanak-kanak oleh Ibu Bapa: Kedudukannya di bawah Akta kanak-Kanak 2001 dan Prinsip Syariah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 19: 37–49.
- Zaydan, A.A.-K. (1989). *Al-Madkhal li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Edisi ke-11. Baghdad: Maktabah al-Quds.